

Rapat umum tidak perlu diadakan - Mahathir

UM 13 APR 1990

KUALA LUMPUR 12 April - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini rapat umum menjelang pilihanraya tidak perlu diadakan melainkan pihak polis dapat memberi jaminan terhadap keselamatan orang ramai.

Serentak dengan itu, beliau mengingatkan anggota parti - parti pembangkang supaya jangan menggunakan orang-orang tertentu untuk membuat kacau dalam pilihanraya umum nanti.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas ketua - ketua Barisan Nasional (BN) di sini pagi ini, beliau menegaskan, keadaan semasa pilihanraya kecil Dewan Negeri Pantai Merdeka menjadi tegang kerana parti lawan sering bertindak sendiri menangkap orang lain.

"Undang - undang tidak membenarkan kita menangkap orang lain ka-

lau kita mendapati orang lain salah. Kita perlu laporkan kepada polis tapi ada anggota parti lawan yang menangkap orang UMNO kerana kononnya mereka membuat salah.

"Di Terengganu, orang-orang parti lawan keluar dengan parang bila polis hendak menangkap penyokong mereka. Kalau perkara semacam ini diberi layanan dalam pilihanraya kita mungkin hadapi masalah," katanya.

Beliau mengingatkan: "Saya bagi tahu awal-awal kepada parti lawan supaya jangan guna orang-orang seperti ini dalam pilihanraya."

Mengenai rapat umum beliau menegaskan, perkembangan - perkembangan seperti ini menyebabkan Barisan Nasional (BN) tidak membuat sebarang kajian mengenai kemungkinan rapat - ra-

pat umum diadakan semula kerana ia tidak memberi sebarang faedah.

Sementara itu ketika menjawab satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan kerajaan tidak menerima sebarang bantahan rasmi daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu bagi Orang - Orang Pelarian (UNHCR) bahawa negara ini telah mengusir pelarian Vietnam tanpa terlebih dahulu memberi bantuan makanan dan pakaian.

Laporan Reuter dari Jakarta mengatakan keraja-

an Malaysia mengusir keluar pelarian Vietnam tanpa memberi sebarang bantuan makanan dan bekalan.

Perdana Menteri menafikan dakwaan agensi berita antarabangsa itu sambil menyifatkannya sebagai satu tuduhan liar tanpa usul periksa.

"Mengapa tidak mereka sendiri pergi ke Pulau Bidong dan melihat apakah selama ini kita menganiayai pelarian ini, sebaliknya apa yang kita lakukan ialah memberi tempat perlindungan secukupnya," kata beliau.